

HSM 316 – Seminar Sejarah Politik Malaysia

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan sahaja. SATU [1] daripada Bahagian A, SATU [1] daripada Bahagian B dan SATU [1] LAGI daripada mana-mana Bahagian A atau B.

BAHAGIAN A:

1. Apakah ciri-ciri nasionalisme yang pada pandangan anda, paling awal dapat dikesankan dikalangan masyarakat Melayu?
2. Kesepaduan dan keteguhan yang ditonjolkan dalam perjuangan menentang Malayan Union menunjukkan bahawa teras nasionalisme Melayu ialah untuk mempertahankan kedudukan bangsa Melayu di Tanah Melayu. Setujukah anda dengan pandangan ini?
3. Sejauhmanakah, dan dari segi apakah, pergerakan PUTERA-AMCJA boleh dianggap sebagai telah membuka corak nasionalisme baru di semenanjung Tanah Melayu?
4. Perjuangan masyarakat Kadazan, baik pada dekad 1960an maupun pada dekad 1980an, tidak wajar dihuraikan sebagai satu corak nasionalisme tetapi lebih tepat difahamkan sebagai satu corak berpolitik di dalam masyarakat berbilang kaum. Bincangkan.

BAHAGIAN B:

5. Pembentukan Malaysia pada pokoknya merupakan satu cara penyatuan bekas tanah jajahan British bagi tujuan mengekalkan pengaruh Barat di rantau ini. Bincangkan.
6. Setujukan anda dengan Karl von Vorys bahawa kesan Darurat yang paling serius ialah gangguan besar yang telah berlaku dalam hubungan kuasa, di antara kaum (inter-communal) dan juga di dalam kaum (intra-communal)?
7. Mengapakah, pada pandangan anda, konflik antara pemimpin PAP dan pemimpin Perikatan sejak penubuhan Malaysia, tidak dapat diselesaikan kecuali dengan memisahkan Singapura daripada Malaysia?

--oo000oo--